


## **BENGKEL HANDS-ON KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF) KE DALAM SUBMODUL MyPERFORMANCE INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA**

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Bengkel *Hands-on* Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) ke Dalam Submodul *MyPerformance* INSTUN Tahun 2024 pada 2 Oktober 2024 di Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1 (PKTM1), INSTUN. Secara keseluruhannya, kursus ini telah disertai oleh seramai 26 orang peserta. Bengkel ini disasarkan kepada Pentadbir KKF Agensi di peringkat bahagian yang telah dilantik di setiap Bahagian/ Seksyen/ Unit.

Objektif kursus ini adalah bagi memastikan arahan penggunaan *MyPerformance* bagi Modul Pengurusan Prestasi dan LNPT HRMIS tahun penilaian 2024 secara serentak (dual system) di INSTUN dapat dilaksanakan pada tahun ini serta proses mengunci masuk KKF di peringkat bahagian/ seksyen/ unit dapat dilaksanakan dalam usaha menyokong pembangunan Submodul *MyPerformance*.

Penceramah bengkel ini ialah Puan Amallia binti Mohd Sabry, selaku Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia, INSTUN.





Puan Amallia binti Mohd Sabry, Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia menyampaikan taklimat berkenaan  
Kamus Kompetensi Fungsian (KKF)



Pentadbir KKF menyemak dan mengunci masuk KKF ke dalam MyPerformance mengikut Bahagian/ Seksyen/ Unit masing-masing



